

Enam strategi bangunkan komuniti Asia Timur

Um - 22/6/2004: 2

Oleh ZULKIFLI ABDULLAH dan HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 21 Jun — Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahukan pembangunan komuniti Asia Timur dipercepatkan lagi dengan menggariskan enam perkara yang perlu diberi perhatian segera.

Beliau berkata, masanya sudah tiba untuk membangunkan Komuniti Asia Timur dengan arah tuju yang baru.

Enam perkara itu ialah:

- Kesaksamaan hak dan demokratik;
- Pelbagai arah haluan dan mesra;
- Penyayang dan saling membantu;
- Komited kepada pengupayaan global;
- Mengambil berat kepada kemakmuran ekonomi; dan;
- Penumpuan kepada keamanan dan persahabatan serantau.

Kata Abdullah, ini penting ke arah proses melahirkan kerjasama dan integrasi yang lebih meluas di Asia Timur dengan pembangunan komunitinya tidak harus berhenti setakat ini.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan ucapan pada Kongres Asia Timur Kedua anjuran Pusat Ekonomi Asia Timur di Palace Of The Golden Horses, di sini hari ini.

Jelas Perdana Menteri, pembangunan komuniti Asia Timur itu termasuklah tindakan segera untuk melancarkan Projek



ABDULLAH AHMAD BADAWI mendengar penerangan salah seorang peserta dari Indonesia, Jusuf Wanandi selepas majlis perasmian Kongres Asia Timur Kedua di Seri Kembangan, Selangor, semalam. Turut memerhati ialah Syed Hamid Albar.

Komuniti Aman Asia Timur (EPC), Komuniti Ekonomi Asia Timur (EEC) dan Komuniti Diplomatik Asia Timur (EDC).

“Jika kita bernasib baik, jika kita bersetia teguh dengan komitmen, ia sekurang-kurangnya mengambil masa satu generasi kepada penubuhan komuniti Asia Timur untuk mencapai apa yang diper-

oleh oleh Komuniti Keamanan ASEAN sekarang,” jelasnya.

Pada masa yang sama, katanya, ia pula akan mengambil masa sekurang-kurangnya dua generasi bagi Asia Timur mencapai kejayaan seperti di Eropah.

Mengulas mengenai penekanan kepada kesaksamaan hak dan demokra-

tik dalam gagasan itu nanti, kata Perdana Menteri, komuniti Asia Timur ini nanti tidak harus mempunyai sikap egotisme kenegaraan, pembentukan empayar, perjanjian yang tidak seimbang, ugutan, paksaan, buli dan hegemoni.

“Saya juga yakin, pembangunan komuniti Asia Timur mesti dilihat mem-

punyai pelbagai arah haluan dengan keupayaan menjalankan pelbagai tugas, tidak berkonfrontasi dengan mana-mana pihak,” katanya.

Mengenai sikap penyayang dan saling membantu, jelas Abdullah, adalah menjadi ideologi di kalangan negara-negara Asia Timur untuk memakmurkan jiran mereka.